

06 MAR 2004

Pilihan raya-Tanding

HARUN DIN SAH TANDING DUA KERUSI DI PERLIS

ALOR STAR, 6 Mac (Bernama) -- Ketua Penerangan PAS Pusat Datuk Dr Harun Din hari ini mengesahkan bahawa beliau akan bertanding di dua kerusi di Perlis iaitu masing-masing bagi kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Bagaimanapun, beliau setakat ini enggan menyatakan kawasan mana yang akan ditandinginya kerana "ia satu strategi politik bagi mengaburi perancangan pihak lawan."

"Tunggulah sehingga 12 Mac nanti akan diumumkan, tapi yang pasti saya akan bertanding di kawasan tempat kelahiran saya dan juga kampung halaman saya," katanya kepada pemberita di sini.

Harun dilahirkan di sebuah kampung dalam kawasan Parlimen Arau, sama seperti kampung asal isterinya juga di sekitar Arau.

Berdasarkan kenyataan itu, andaian kini boleh dibuat bahawa Harun mungkin bertanding di kerusi Parlimen Arau dan salah satu DUN di situ.

Pengumuman itu sedikit sebanyak menamatkan spekulasi sebelum ini yang menyatakan Harun akan bertanding di kawasan Tun Dr Mahathir Mohamad iaitu Parlimen Kubang Pasu dan DUN di Perlis bagi menentang Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim.

Menurut Harun, beliau masuk bertanding dalam pilihan raya bukan bertujuan untuk menentang mana-mana tokoh daripada pihak lawan dan jika itu berlaku ia adalah satu kebetulan sahaja.

"Jadi mana-mana pihak tidak perlu buat kenyataan tidak akan gentar menghadapi saya dan saya sendiri tidak berniat untuk berlawan dengan sesiapa, cuma bertanding untuk perjuangan parti," katanya lagi.

Sementara itu, Harun berkata terdapat bekas-bekas pegawai tinggi kerajaan, polis dan tentera akan dipilih bertanding sebagai calon PAS dalam pilihan raya kali ini.

Antara mereka yang mungkin dipilih sebagai calon itu ialah bekas Duta Besar Malaysia ke Mexico Datuk Yeop Azlan.

-- BERNAMA

MNH AM

